

# Perbincangan Kerjasama

## Sempena Lawatan ICMT ke Malaysia



**KUALA LUMPUR, 27 Januari 2011** - Universiti Malaysia Perlis telah memperlebar lagi jaringan kerjasama antarabangsanya dengan Institute for Corrosion and Multiphase Technology (ICMT), Ohio University. Bertempat di Bilik Mesyuarat Best Western Premier Seri Pacific, Kuala Lumpur, delegasi UniMAP diketuai oleh Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin dan

diiringi Dr. Khairul Rafezi Ahmad, Dr. Khairul Azwan, Prof. Madya Che Mohd Ruzaidi, En. Mohd Mustafa Al-Bakri Abdullah, En. Mohd Arif Anuar Mohd Salleh, Cik Farah Farhana Zainal dan En. Shaiful Rizam Shamsudin telah mengadakan perbincangan hubungan akademik dengan Ohio University. Delegasi Ohio University telah diketuai oleh Ketua Jabatan RUSS College of Engineering and Technology, Prof. Dr. Valerie Young. Sesi perbincangan turut dihadiri oleh tetamu kehormat seperti Prof. Dr. Srdjan Nesic, Direktor ICMT dan Prof. Dato' Wira Mohd Salleh bin Haji Din, Distinguish Prof. Tun Abdul Razak Chair, Ohio University.

Perbincangan yang diadakan adalah berkisar tentang peluang pertukaran staf, peluang latihan ahli akademik, peluang staf akademik melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD dan MSc, perlantikan penasihat akademik dan penyelidikan, serta kerjasama di dalam pembangunan bidang penyelidikan. ICMT juga turut bersetuju untuk membantu di dalam aspek pembangunan kemudahan serta kepakaran dalam bidang kakisan di UniMAP.